

Campur tangan kerajaan dapat elak lambakan keluli, aluminium ke Malaysia - MISIF

Oleh Alzahrin Alias - Februari 12, 2025 @ 11:01am

zahrin@mediaprima.com.my



Banyak negara melaksanakan versi tarif sendiri bagi menghentikan lambakan produk keluli China - Foto Reuters

KUALA LUMPUR: Persekutuan Industri Besi dan Keluli Malaysia (MISIF) menggesa kerajaan campur tangan menangani isu kenaikan tarif sebanyak 25 peratus ke atas semua import keluli dan aluminium ke Amerika Syarikat (AS).

Ia berkata, tanpa tindakan segera dan tegas, pengeluar keluli Malaysia akan mengalami kemudaratan yang berpanjangan dan tidak dapat dipulihkan.

"Kami menggesa kerajaan untuk bertindak dengan segera, memperkukuh perundangan anti-lambakan, mempercepatkan siasatan dan melaksanakan langkah-langkah bagi melindungi industri sebelum kesan lebih buruk berlaku," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Presiden AS, Donald Trump baru-baru ini mengumumkan tarif sebanyak 25 peratus ke atas semua import keluli dan aluminium ke negara itu.

DISYORKAN

- **Suami maut ditikam isteri akibat selisih faham**
- **Mahkamah Madrid sahkan pembatalan pelantikan Stampa sebagai penimbang tara kes Sulu**
- **Afdlin doakan Allah lembutkan hati pemfitnah**
- **Reformasi perkhidmatan awam adalah satu kemestian - KSN**

Dasar itu adalah sebahagian daripada strategi yang lebih luas untuk merombak hubungan perdagangan antarabangsa dan akan berkuat kuasa pada 4 Mac 2025 tanpa sebarang pengecualian bagi mana-mana negara.

MISIF menjelaskan, industri besi dan keluli adalah sektor strategik yang penting bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Katanya, industri itu menyokong sektor utama seperti infrastruktur, pembinaan dan pembuatan, justeru tanpa amalan perdagangan yang adil, pengeluar keluli Malaysia berisiko dipinggirkan oleh import yang dijual pada harga tidak adil.

Sehubungan itu, ia menegaskan bahawa ini boleh membawa kepada penutupan kilang, kehilangan pekerjaan dan kelemahan asas industri negara.

"MISIF kekal komited untuk bekerjasama rapat dengan pembuat dasar bagi melindungi kepentingan industri keluli domestik dan menegakkan amalan pasaran yang adil," katanya.

Mengulas lanjut, MISIF berkata, kesan langsung daripada dasar tarif AS itu masih belum dapat dipastikan, tetapi dijangka akan mempercepatkan pengalihan perdagangan, sekali gus menyebabkan lonjakan produk keluli ke Malaysia.

Katanya, China telah menggunakan negara seperti Kanada, Mexico, Brazil dan Vietnam untuk mengelakkan tarif AS.

"Sebagai tindak balas, banyak negara di Amerika Utara dan Selatan telah melaksanakan versi tarif mereka sendiri dalam tempoh enam bulan lalu bagi menghentikan lambakan produk keluli China ke negara masing-masing, namun kerosakan telahpun berlaku.

"Inilah salah satu sebab utama mengapa AS telah menarik balik pengecualian dan kelonggaran yang diberikan sebelum ini," katanya.

MISIF berkata, dengan tarif baharu dan pengembangannya kepada produk hiliran, persekitaran baharu itu tidak lagi menjadikan negara-negara terbabit sebagai destinasi eksport yang berdaya maju.

Katanya, negara seperti China yang sebelum ini mengelak tarif serta Korea Selatan, Jepun dan Vietnam yang memperoleh pengecualian dengan kuota tahunan, berkemungkinan akan mengalihkan eksport mereka ke Malaysia.

"Vietnam dan Jepun mempunyai akses bebas dan langsung ke Malaysia melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang sedia ada. Kerajaan di ASEAN sudah mula mengambil langkah untuk menangani lambakan ini.

"Vietnam dan Indonesia telah mengenakan tarif anti-lambakan ke atas barangan dari China, dan Thailand baru-baru ini mengumumkan langkah-langkah untuk memantau import murah.

"Akses ke Indonesia, Thailand dan Vietnam kini telah diperketatkan dengan kerajaan masing-masing memberikan perhatian khusus kepada lebih keluli yang dilambakkan ke dalam industri keluli domestik mereka," katanya.